



PENYATA KEWANGAN

- 85 Maklumat Yayasan
- 86 Laporan Para Pemegang Amanah
- 89 Kenyataan Para Pemegang Amanah
- 89 Pengakuan Berkanun
- 90 Laporan Juruaudit Bebas
- 93 Penyata Kedudukan Kewangan
- 94 Penyata Pendapatan Komprehensif
- 95 Penyata Perubahan Ekuiti
- 96 Penyata Aliran Tunai
- 97 Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

MAKLUMAT YAYASAN



PEMEGANG AMANAH

ROZAINI BIN MOHD SANI
DATO' YAHYA BIN AHMAD
BUKHARI BIN ABD RAHMAN
MOHD HANAFI BIN SAMAD

SETIAUSAHA YAYASAN

NUR SYUHADA BINTI ZAYADI
(MAICSA 7080388)

PEJABAT BERDAFTAR

ARAS 16, MENARA KOMTAR
80888 IBRAHIM INTERNATIONAL
BUSINESS DISTRICT (IIBD)
JOHOR

TEMPAT PERNIAGAAN UTAMA

ARAS 18, MENARA KOMTAR
80888 IBRAHIM INTERNATIONAL
BUSINESS DISTRICT (IIBD)
JOHOR

JURUAUDIT

AL JAFREE SALIHIN KUZAIMI PLT
201506002872 (LLP0006652-LCA) & AF 1522
AKAUNTAN BERTAULIAH
NO. 555, JALAN SAMUDRA UTARA 1
TAMAN SAMUDRA
68100 BATU CAVES
SELANGOR DARUL EHSAN

LAPORAN PARA PEMEGANG AMANAH



Para pemegang amanah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan Yayasan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Yayasan adalah untuk menerima, mengurus dan mentadbir dana bagi tujuan kebajikan, termasuk perancangan dan pelaksanaan inisiatif yang berkaitan dengan pendidikan, seni, budaya dan warisan, kelestarian alam sekitar serta kesejahteraan masyarakat. Tidak terdapat perubahan yang ketara dalam kegiatan-kegiatan di atas sepanjang tahun semasa.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Lebih pendapatan bagi tahun semasa	176,165

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada sebarang pindahan penting daripada rizab atau peruntukan selain yang didedahkan dalam penyata kewangan.

PARA PEMEGANG AMANAH

Para pemegang amanah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan dan sepanjang tempoh dari akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini adalah:

Rozaini bin Mohd Sani
Dato' Yahya bin Ahmad
Bukhari bin Abd Rahman
Mohd Hanafi bin Samad
Datuk Azman bin Adnan

(Letak jawatan pada 18 Ogos 2025)

MANFAAT PARA PEMEGANG AMANAH

Sama ada semasa atau pada penghujung tahun kewangan, Yayasan tidak terlibat dengan sebarang rancangan yang bertujuan untuk membolehkan para pemegang amanah mendapat faedah melalui perolehan saham atau debentur dalam mana-mana badan korporat.

Pada tarikh laporan ini, tiada di antara para pemegang amanah Yayasan yang telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat akibat daripada perjanjian yang dibuat oleh Yayasan atau syarikat-syarikat berkaitan dengan pemegang amanah ataupun dengan firma di mana pemegang amanah adalah seorang ahli, atau dengan syarikat di mana pemegang amanah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

GANJARAN PARA PEMEGANG AMANAH

Tiada ganjaran yang telah dibayar atau akan dibayar kepada pemegang amanah sepanjang tahun kewangan.

Tiada pemegang amanah atau pemegang amanah terdahulu telah menerima apa-apa faedah lain atau sebaliknya daripada tunai dari Yayasan sepanjang tahun semasa.

Tiada bayaran telah dibayar kepada atau diterima daripada mana-mana pihak ketiga berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Yayasan oleh para pemegang amanah atau pemegang amanah terdahulu sepanjang tahun semasa.

LAPORAN PARA PEMEGANG AMANAH

GANTI RUGI DAN INSURANS UNTUK PEMEGANG AMANAH, PEGAWAI DAN JURUAUDIT

Tiada perlindungan ganti rugi, telah diberi, atau insurans premium telah dibayar bagi pemegang amanah, pegawai dan juruaudit Yayasan pada tahun kewangan.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan Yayasan disediakan, para pemegang amanah telah mengambil langkah-langkah wajar bagi:

- (i) memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil berhubung penghapusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukkan hutang ragu, dan telah berpuas hati bahawa tiada hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskan dan tiada peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
- (ii) memastikan bahawa sebarang harta semasa yang nilai bukunya tidak dapat diperolehi dalam kegiatan biasa perniagaan, nilai yang tercatat di rekod perakaunan Yayasan telah disusutkan kepada nilai yang dianggap boleh diperolehi.

Pada tarikh laporan ini, para pemegang amanah tidak menyedari tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan:

- (i) adalah perlu untuk menghapuskan hutang lapuk atau menyediakan peruntukan bagi kerugian kredit dijangka dalam penyata kewangan Yayasan; dan
- (ii) Nilai yang diberikan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Yayasan adalah mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, para pemegang amanah tidak menyedari tentang sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Yayasan mengelirukan atau tidak sesuai.

Pada tarikh laporan ini, para pemegang amanah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Yayasan yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Yayasan yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- (ii) sebarang liabiliti luar jangka Yayasan yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada pendapat para pemegang amanah:

- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti-liabiliti lain yang telah berkuat kuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Yayasan untuk menunaikan tanggungannya apabila tiba masanya; dan
- (ii) tiada butiran, urusan atau peristiwa yang penting dan luar biasa yang timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin memberi kesan yang besar ke atas keputusan operasi Yayasan bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

LAPORAN PARA PEMEGANG AMANAH

GANJARAN JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ganjaran juruaudit adalah seperti berikut:

	2025 RM
Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT	6,500

INDEMNITI KEPADA JURUAUDIT

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Yayasan telah bersetuju untuk memberi indemniti kepada juruaudithnya, Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT, sebagai sebahagian daripada terma pelantikan audit terhadap tuntutan oleh pihak ketiga yang timbul daripada audit (bagi jumlah yang tidak ditentukan). Tiada bayaran telah dibuat untuk memberi indemniti kepada Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pemegang Amanah menurut resolusi para pemegang amanah bertarikh 7 April 2026.



ROZAINI BIN MOHD SANI
Pemegang Amanah



DATO' YAHYA BIN AHMAD
Pemegang Amanah

Johor Bahru, Johor

KENYATAAN PARA PEMEGANG AMANAH

MENURUT SEKSYEN 251 (2) AKTA SYARIKAT 2016



Kami, **ROZAINI BIN MOHD SANI** dan **DATO' YAHYA BIN AHMAD**, dua orang daripada pemegang amanah **YAYASAN JOHOR CORPORATION**, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para pemegang amanah, penyata kewangan yang dibentangkan telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan Peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan pada 31 Disember 2025 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Yayasan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pemegang Amanah menurut resolusi para pemegang amanah bertarikh 7 April 2026.

ROZAINI BIN MOHD SANI
Pemegang Amanah

DATO' YAHYA BIN AHMAD
Pemegang Amanah

Johor Bahru, Johor

PENGAKUAN BERKANUN

MENURUT SEKSYEN 251 (1) (b) AKTA SYARIKAT 2016



Saya, **WAN SU BINTI ALI**, sebagai pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan **YAYASAN JOHOR CORPORATION**, dengan tulus ikhlas dan sesungguhnya mengaku bahawa Penyata Kewangan yang dibentangkan, pada sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan, adalah benar dan saya membuatakuan ini dengan penuh kepercayaan mengenai kebenarannya serta menurut Akta Aakuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh)
penama di atas di **Johor Bahru** dalam)
negeri **Johor Darul Ta'zim**)
pada 7 April 2026)

WAN SU BINTI ALI

Dihadapan saya,



No. 5-01, Jalan Padi Emas 3/2
Bandar Baru Uda,
81200 Johor Bahru.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI-AHLI YAYASAN JOHOR CORPORATION



LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

PENDAPAT

Kami telah mengaudit penyata kewangan Yayasan Johor Corporation yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Yayasan pada 31 Disember 2025, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Yayasan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, serta ringkasan dasar perakaunan yang penting dan lain-lain maklumat huraian, seperti yang dinyatakan dalam halaman yang disertakan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan Yayasan telah disediakan dengan sewajarnya menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan Akta Syarikat 2016 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan pada 31 Disember 2025 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

ASAS BAGI PENDAPAT

Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami menurut piawaian tersebut diuraikan dengan lebih lanjut di seksyen "*Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan*" di dalam laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah kepada pendapat kami.

Kebebasan dan Lain-lain Tanggungjawab Etika

Kami adalah bebas daripada Yayasan mengikut Undang-undang Kecil (pada Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional, Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

MAKLUMAT SELAIN DARIPADA PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN JURUAUDIT

Pemegang amanah Yayasan bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat terdiri daripada Laporan Pemegang Amanah dan Kenyataan Para Pemegang Amanah, tidak termasuk penyata kewangan Yayasan dan Laporan Juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Yayasan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit kami terhadap penyata kewangan Yayasan, tanggungjawab kami adalah untuk mentafsir lain-lain maklumat dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada terdapat lain-lain maklumat yang ketara dan tidak selaras dengan penyata kewangan Yayasan atau berbeza dengan maklumat yang diperolehi semasa pengauditan, atau terdapat salahnyata yang ketara.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa ada salahnyata yang ketara pada lain-lain maklumat ini, kami dikehendaki untuk melaporkan fakta tersebut. Dalam hal ini, kami tidak mempunyai sebarang fakta untuk dilaporkan.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI-AHLI YAYASAN JOHOR CORPORATION

TANGGUNGJAWAB PEMEGANG AMANAH KEPADA PENYATA KEWANGAN

Pemegang amanah Yayasan bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan kepada Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan mewujudkan sistem kawalan dalaman yang dirasakan perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan bebas daripada sebarang salahnyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Yayasan, pemegang amanah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Yayasan untuk meneruskan operasi secara berterusan, mendedahkan yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan andaian berterusan dan menggunakan asas perakaunan andaian berterusan, melainkan jika pemegang amanah berhasrat untuk membubarkan Yayasan atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik kecuali berbuat demikian.

TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT BAGI AUDIT PENYATA KEWANGAN

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan munasabah sama ada penyata kewangan Yayasan secara keseluruhannya bebas daripada salahnyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah adalah jaminan tahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa sesuatu audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salahnyata yang ketara apabila ia wujud. Salahnyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting jika, secara individu atau dalam agregat, mereka dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan kepada penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salahnyata yang ketara pada penyata kewangan Yayasan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi serta sesuai untuk memberi asas yang munasabah. Risiko tidak mengesan salahnyata akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi jika dibandingkan daripada yang terhasil akibat satu kesilapan, disebabkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan dengan sengaja, gambaran yang salah, atau melampaui kawalan dalaman.
- Memperolehi pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Yayasan.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan anggaran perakaunan yang munasabah serta pendedahan berkaitan, yang dibuat oleh pemegang amanah.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI-AHLI YAYASAN JOHOR CORPORATION

TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT BAGI AUDIT PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian pemegang amanah menggunakan asas perakaunan andaian berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian yang ketara wujud berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan ke atas keupayaan Yayasan untuk terus beroperasi secara berterusan. Jika kesimpulan dibuat bahawa ketidakpastian yang ketara wujud, kami dikehendaki untuk mendedahkan ketidakpastian tersebut di dalam penyata kewangan Yayasan atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami perlu mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Yayasan untuk berhenti daripada terus beroperasi secara berterusan.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Yayasan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili asas urusaniaga serta peristiwa untuk mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan pemegang amanah mengenai, antara lain, skop yang dirancang, jangka masa audit serta penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit kami.

LAIN-LAIN HAL

Laporan ini disediakan semata-mata kepada pemegang amanah Yayasan, sebagai suatu badan, selaras dengan Seksyen 266 Akta Syarikat, 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan-tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain atas kandungan laporan ini.



AL JAFREE SALIHIN KUZAIMI PLT
201506002872 (LLP0006652-LCA) & AF 1522
AKAUNTAN BERTAULIAH



FAIZUL NIZAN BIN ZULKEFLI
NO. 03855/10/2026 J
AKAUNTAN BERTAULIAH

Tarikh: 7 April 2026

Selangor, Malaysia

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2025



	Nota	2025 RM	2024 RM
Aset bukan semasa			
Aset hak-guna	4	93,482	163,594
		93,482	163,594
Aset semasa			
Lain-lain penghutang dan akaun belum terima	5	256,326	956,153
Tunai dan baki bank	6	5,145,716	4,769,410
		5,402,042	5,725,563
Jumlah aset		5,495,524	5,889,157
Dana			
Pendapatan terkumpul		5,133,992	4,957,827
Liabiliti bukan semasa			
Liabiliti pajakan	7	26,642	94,300
		26,642	94,300
Liabiliti semasa			
Liabiliti pajakan	7	75,019	75,019
Lain-lain pemiutang dan akaun belum bayar	8	259,871	762,011
		334,890	837,030
Jumlah liabiliti		361,532	931,330
Jumlah ekuiti dan liabiliti		5,495,524	5,889,157

Nota-nota yang disediakan adalah sebahagian daripada akaun dan harus dibaca bersama-sama.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025



	Nota	2025 RM	2024 RM
Pendapatan	9	7,942,806	6,512,357
Lain-lain pendapatan		140,797	96,847
Perbelanjaan operasi		(7,893,636)	(6,443,546)
Kos kewangan	10	(13,802)	(13,566)
Lebihan pendapatan sebelum cukai	11	176,165	152,092
Cukai	12	-	-
Lebihan pendapatan bagi tahun semasa		176,165	152,092

Nota-nota yang disediakan adalah sebahagian daripada akaun dan harus dibaca bersama-sama.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025



	Dana Terkumpul RM
Pada 1 Januari 2024	4,805,735
Lebih pendapatan bagi tahun semasa	152,092
Pada 31 Disember 2024	4,957,827
Lebih pendapatan bagi tahun semasa	176,165
Pada 31 Disember 2025	5,133,992

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025



	2025 RM	2024 RM
Aliran tunai daripada kegiatan operasi		
Lebihan pendapatan sebelum cukai	176,165	152,092
Pelarasan bagi:		
Pelunasan aset hak-guna	70,112	83,611
Faedah ke atas liabiliti pajakan	13,802	13,566
Keuntungan dari simpanan tetap	(123,307)	(94,714)
Lebihan pendapatan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	136,772	154,555
Kurangan dalam lain-lain penghutang	699,827	2,211
(Kurangan)/Pertambahan dalam lain-lain pemiutang	(626,610)	316,826
Tunai dijana dalam daripada kegiatan operasi	209,989	473,592
Faedah diterima	123,307	94,714
Faedah dibayar	(13,802)	-
Tunai bersih dijana dalam daripada kegiatan operasi	319,494	568,306
Aliran Tunai Daripada Kegiatan Pelaburan		
Penempatan dari simpanan tetap	-	(68,573)
Tunai bersih digunakan daripada kegiatan pelaburan	-	(68,573)
Aliran Tunai Daripada Kegiatan Kewangan		
Pembayaran semula liabiliti pajakan	(67,658)	(93,153)
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan kewangan	(67,658)	(93,153)
Pertambahan bersih dalam tunai dan persamaan tunai	251,836	406,580
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	1,599,390	1,192,810
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	1,851,226	1,599,390
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:		
Tunai di bank	1,849,726	1,598,975
Tunai di tangan	1,500	415
	1,851,226	1,599,390
Tambah: Simpanan tetap	3,294,490	3,170,020
	5,145,716	4,769,410
Tolak: Simpanan tetap matang lebih 3 bulan	(3,294,490)	(3,170,020)
	1,851,226	1,599,390

Nota-nota yang disediakan adalah sebahagian daripada akaun dan harus dibaca bersama-sama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2025



1. MAKLUMAT UMUM

Yayasan ini adalah sebuah syarikat berhad menurut jaminan yang diperbadankan di Malaysia.

Aktiviti utama Yayasan adalah untuk menerima, mengurus dan mentadbir dana bagi tujuan kebajikan, termasuk perancangan dan pelaksanaan inisiatif yang berkaitan dengan pendidikan, seni, budaya dan warisan, kelestarian alam sekitar serta kesejahteraan masyarakat. Tidak terdapat perubahan yang ketara dalam kegiatan-kegiatan di atas sepanjang tahun semasa.

Pejabat berdaftar Yayasan terletak di Aras 16, Menara KOMTAR, 80888 Ibrahim International Business District (IIBD), Johor.

Tempat operasi utama Yayasan terletak di Aras 18, Menara KOMTAR, 80888 Ibrahim International Business District (IIBD), Johor.

Penyata kewangan Yayasan telah diluluskan oleh para pemegang amanah pada 7 April 2026.

2. MAKLUMAT DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan Yayasan telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan Yayasan juga telah disediakan berdasarkan kos sejarah, kecuali bagi instrumen kewangan yang telah diukur pada nilai saksama.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

2.2 Perubahan dalam dasar perakaunan

Dasar perakaunan yang diterima pakai adalah selaras dengan tahun kewangan sebelumnya kecuali seperti berikut: Pada 1 Januari 2025, Yayasan telah menerima pakai MFRS baharu dan pindaan yang diwajibkan untuk tempoh kewangan tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2025:

Huraian

Pindaan kepada MFRS 121 - Kesan Perubahan dalam Kadar
Pertukaran Asing - Kekurangan Kebolehtukar

**Berkuat kuasa untuk
tahunan tempoh yang
bermula pada atau selepas**

1 Januari 2025

Penggunaan pindaan dan penambahbaikan tahunan di atas tidak mempunyai sebarang kesan yang ketara ke atas penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2025

2. MAKLUMAT DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

2.3 Piawaian yang dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa

Piawaian, Pindaan dan Penambahbaikan Tahunan yang dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa sehingga tarikh pengeluaran penyata kewangan Syarikat didedahkan di bawah. Yayasan berhasrat untuk menggunakan Piawaian, Pindaan dan Penambahbaikan Tahunan ini, jika berkenaan, apabila ia berkuat kuasa:

Huraian	Berkuat kuasa untuk tahunan tempoh yang bermula pada atau selepas
Pindaan kepada MFRS 9 dan MFRS 7 - Kontrak Merujuk Sifat - Elektrik Bergantung Alam Semula Jadi	1 Januari 2026
Pindaan kepada MFRS 1 - Perakaunan Lindung Nilai oleh Penggunaan Kali Pertama	1 Januari 2026
Pindaan kepada MFRS 7 - Keuntungan atau Kerugian atas Penyahiktirafan	1 Januari 2026
Pindaan kepada MFRS 9 - Penyahiktirafan Liabiliti Pajak dan Harga Transaksi	1 Januari 2026
Pindaan kepada MFRS 10 - Penentuan Ejen De' Facto	1 Januari 2026
Pindaan kepada MFRS 107 - Kaedah Kos	1 Januari 2026
MFRS 18 Pembentangan dan Pendedahan dalam Penyata Kewangan	1 Januari 2027
MFRS 19 Anak Syarikat tanpa Akauntabiliti Awam: Pendedahan	1 Januari 2027
Pindaan kepada MFRS 10 Penyata Kewangan Disatukan dan MFRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama - Penjualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	Ditangguhkan

Yayasan berhasrat untuk menggunakan piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan yang disebutkan di atas, jika berkenaan, apabila ia berkuat kuasa. Penggunaan tersebut dijangka tidak akan mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan Yayasan, kecuali seperti yang didedahkan di bawah:

A) MFRS 18: Pembentangan dan Pendedahan dalam Penyata Kewangan

MFRS 18 memperkenalkan kategori dan jumlah kecil baharu dalam penyata untung rugi. Ia juga memerlukan pendedahan ukuran prestasi yang ditakrifkan oleh pengurusan dan merangkumi keperluan baharu bagi kedudukan, pengagregatan, dan pengasingan maklumat kewangan.

Penyata untung rugi

MFRS 18 menghendaki Yayasan mengklasifikasikan semua pendapatan dan perbelanjaan dalam penyata untung ruginya ke dalam salah satu daripada lima kategori: operasi; pelaburan; pembiayaan; cukai pendapatan; dan operasi terhenti. MFRS 18 juga menghendaki Yayasan membentangkan jumlah kecil dan jumlah untuk 'untung rugi operasi', 'untung rugi sebelum pembiayaan dan cukai pendapatan' dan 'untung rugi'.

Ukuran prestasi yang ditakrifkan oleh pengurusan

MFRS 18 memperkenalkan konsep ukuran prestasi yang ditakrifkan oleh pengurusan ("MPM") yang ditakrifkan sebagai jumlah kecil pendapatan dan perbelanjaan yang digunakan oleh Yayasan dalam komunikasi awam di luar penyata kewangan, untuk menyampaikan pandangan pengurusan tentang aspek prestasi kewangan Yayasan secara keseluruhan kepada pengguna. MFRS 18 juga menghendaki pendedahan maklumat tentang semua MPM Yayasan dalam satu nota kepada penyata kewangan dan menghendaki beberapa pendedahan dibuat tentang setiap MPM, termasuk bagaimana ukuran dikira dan penyesuaian kepada jumlah kecil yang paling setanding yang ditetapkan oleh MFRS 18 atau piawaian perakaunan MFRS yang lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2025

2. MAKLUMAT DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

2.3 Piawaian yang dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa (Samb.)

A) MFRS 18: Pembentangan dan Pendedahan dalam Penyata Kewangan (Samb.)

Lokasi maklumat, pengagregatan dan pengasingan

MFRS 18 membezakan antara pembentangan maklumat dalam penyata kewangan utama dan 'pendedahan' maklumat tersebut dalam nota, serta memperkenalkan satu prinsip untuk menentukan lokasi maklumat berdasarkan peranan yang dikenal pasti bagi penyata kewangan utama dan nota. MFRS 18 menghendaki pengagregatan dan pengasingan maklumat dilaksanakan dengan merujuk kepada ciri-ciri yang sama dan tidak sama.

Yayasan sedang menilai impak kewangan yang mungkin timbul daripada penggunaan MFRS 18.

Pengaplikasian awal piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan tidak dijangka mempunyai sebarang impak kewangan yang material kepada penyata kewangan tempoh semasa atau tempoh terdahulu Yayasan.

2.4 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan yang Signifikan

Penyediaan penyata kewangan selaras dengan MFRS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan tertentu dan pelaksanaan pertimbangan. Anggaran dan pertimbangan ini sentiasa dinilai semula dan berdasarkan pengalaman lepas, jangkaan munasabah mengenai peristiwa masa depan, serta faktor-faktor lain.

Pemegang Amanah berpendapat bahawa tiada andaian utama mengenai masa depan atau sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko signifikan menyebabkan pelarasan material terhadap jumlah bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya.

2.5 Tunai dan Setara Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai merangkumi tunai di bank dan deposit yang disimpan di institusi kewangan yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak signifikan.

2.6 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Yayasan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan tersebut.

(i) Kategori Pengukuran Aset Kewangan

Yayasan mengelaskan semua aset kewangannya berdasarkan model perniagaan untuk mengurus aset kewangan tersebut. Aset kewangan Yayasan pada kos terpulang termasuk tunai di bank.

(ii) Pengiktirafan Awal dan Pengukuran Seterusnya

Pengelasan aset kewangan pada pengiktirafan awal bergantung kepada tujuan dan niat pengurusan terhadap pemerolehan aset kewangan serta ciri-cirinya. Apabila aset kewangan diiktiraf pada kali pertama, ia diukur pada nilai saksama, ditambah dengan kos transaksi yang boleh diatribusikan secara langsung bagi aset kewangan yang bukan diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan diukur pada kos terpulang menggunakan kaedah keuntungan berkesan.

Yayasan hanya mempunyai aset kewangan pada kos terpulang.

- Aset tersebut dipegang dalam model perniagaan yang objektifnya adalah untuk memegang aset bagi mengutip aliran tunai kontrak; dan
- Terma kontrak instrumen tersebut menghasilkan aliran tunai pada tarikh tertentu yang terdiri daripada pembayaran prinsipal dan keuntungan ke atas jumlah prinsipal tertunggak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2025

2. MAKLUMAT DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

2.6 Aset Kewangan (Samb.)

(iii) Nyahiktiraf Aset Kewangan

Yayasan hanya menyahiktiraf aset kewangan apabila hak kontrak terhadap aliran tunai daripada aset tersebut luput, atau apabila ia memindahkan aset kewangan serta secara substansial semua risiko dan ganjaran pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

Jika Yayasan tidak memindahkan atau mengekalkan secara substansial semua risiko dan ganjaran pemilikan tetapi terus mengawal aset yang dipindahkan, Yayasan mengiktiraf kepentingan yang dikekalkan dalam aset tersebut serta liabiliti yang berkaitan bagi jumlah yang mungkin perlu dibayar. Jika Yayasan mengekalkan secara substansial semua risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang dipindahkan, Yayasan terus mengiktiraf aset kewangan tersebut dan juga mengiktiraf pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Apabila sesuatu aset kewangan yang diukur pada kos terpampas dinyahiktiraf, perbezaan antara jumlah bawaan aset tersebut dan jumlah balasan yang diterima serta boleh diterima diiktiraf dalam untung atau rugi.

(iv) Penurunan nilai aset kewangan

Yayasan telah menggunakan pendekatan dipermudahkan MFRS 9 *Instrumen Kewangan* ("MFRS 9") dalam mengukur kerugian kredit dijangkakan ("ECL"), yang menggunakan peruntukan kerugian sepanjang hayat bagi semua penghutang lain.

Untuk mengukur ECL, penghutang lain dikelompokkan berdasarkan ciri risiko kredit yang dikongsi dan bilangan hari tertunggak.

Kadar kerugian dijangkakan adalah berdasarkan trend kutipan 12 bulan tahun sebelumnya berbanding baki penghutang tertunggak. Pada setiap tarikh pelaporan, kadar kerugian dijangkakan disemak semula berdasarkan analisis maklumat berpandangan ke hadapan dan faktor makroekonomi yang mempengaruhi keupayaan pelanggan untuk menyelesaikan baki penghutang.

Hapusan

Aset kewangan dihapuskan sama ada sebahagian atau sepenuhnya hanya apabila Yayasan menghentikan usaha pemulihan. Jika jumlah yang akan dihapuskan melebihi peruntukan kerugian terkumpul, perbezaan tersebut terlebih dahulu dianggap sebagai tambahan kepada peruntukan sebelum digunakan terhadap jumlah bawaan kasar. Sebarang pemulihan selepas itu dikreditkan kepada perbelanjaan kerugian kredit.

2.7 Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dikelaskan mengikut sifat pengaturan kontrak yang dimeterai dan takrifan liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop MFRS 9 *Instrumen Kewangan*, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Yayasan menjadi pihak kepada ketetapan kontrak instrumen kewangan tersebut.

Liabiliti kewangan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama selepas ditolak kos transaksi yang boleh diatribusikan secara langsung dan seterusnya diukur pada kos terpampas menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti dinyahiktiraf dan melalui proses pemampasan. Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut dilunaskan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2025

2. MAKLUMAT DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

2.8 Pajakan

Yayasan menilai pada permulaan kontrak sama ada kontrak adalah atau mengandungi pajakan. Iaitu, jika kontrak memberi hak untuk mengawal penggunaan sesuatu aset bagi tempoh tertentu sebagai pertukaran atau balasan.

Sebagai Penerima Pajak

Yayasan menggunakan pengiktirafan tunggal dan pendekatan pengukuran untuk semua pajakan, kecuali pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah. Yayasan mengiktiraf liabiliti pajakan untuk membuat bayaran pajakan dan aset hak-guna mewakili hak untuk menggunakan aset sandaran.

(i) Aset hak-guna

Yayasan mengiktiraf aset hak-guna pada tarikh permulaan pajakan. Aset hak-guna pada awalnya diukur pada kos, ditolak pelunasan terkumpul dan rugi kejejasan, dan dilaraskan untuk sebarang pengukuran semula liabiliti pajakan. Kos aset hak-guna termasuk amaun liabiliti pajakan yang diiktiraf, kos langsung awal yang ditanggung, dan bayaran pajakan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan ditolak sebarang insentif pajakan yang diterima. Aset hak guna dilunaskan mengikut kaedah garis lurus ke atas mana-mana tempoh yang lebih pendek antara tempoh hayat berguna aset dan tempoh pajakan.

(ii) Liabiliti pajakan

Pada tarikh permulaan pajakan, Yayasan mengiktiraf liabiliti pajakan diukur pada nilai semasa bayaran pajakan yang dibuat sepanjang tempoh pajakan.

Bayaran pajakan adalah termasuk bayaran tetap ditolak sebarang insentif pajakan yang diterima, bayaran pajakan berubah-ubah yang bergantung pada indeks atau kadar, dan amaun yang dijangka perlu dibayar di bawah jaminan nilai sisa. Bayaran pajakan juga termasuk harga laksana pilihan pembelian yang secara munasabah pasti akan dilaksanakan oleh Yayasan dan bayaran penalti untuk penamatan pajakan, kecuali Yayasan amat pasti untuk tidak melaksanakan pilihan untuk menamatkan kontrak pajakan awal.

Dalam membuat pengiraan nilai semasa bayaran pajakan, Yayasan menggunakan kadar pinjaman tambahan pada tarikh permulaan pajakan kerana kadar faedah tersirat pajakan tidak dapat ditentukan.

Selepas tarikh permulaan, amaun liabiliti pajakan akan meningkat disebabkan oleh pertambahan faedah dan berkurang apabila bayaran pajakan dibuat. Amaun bawaan liabiliti pajakan di ukur semula jika berlaku modifikasi, perubahan amaun bayaran, tempoh pajakan dan perubahan pada penilaian pilihan untuk membeli aset sandaran.

Yayasan memilih untuk tidak mengiktiraf aset hak-guna dan liabiliti pajakan untuk pajakan jangka pendek yang tempohnya 12 bulan atau kurang dan pajakan aset bernilai rendah. Yayasan mengiktiraf bayaran pajakan ini sebagai perbelanjaan pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(iii) Pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah

Yayasan telah memilih untuk tidak mengiktiraf aset hak guna dan liabiliti pajakan bagi pajakan jangka pendek yang mempunyai tempoh pajakan 12 bulan atau kurang serta pajakan aset bernilai rendah. Yayasan mengiktiraf pembayaran pajakan yang berkaitan dengan pajakan ini sebagai perbelanjaan sepanjang tempoh pajakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2025

2. MAKLUMAT DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

2.8 Pajak (Samb.)

(iv) Pilihan lanjutan

Dalam membuat pertimbangannya, Yayasan menentukan tempoh pajak sebagai tempoh yang tidak boleh dibatalkan, bersama dengan sebarang tempoh yang diliputi oleh pilihan untuk melanjutkan pajak jika pelaksanaannya dianggap hampir pasti, atau sebarang tempoh yang diliputi oleh pilihan untuk menamatkan pajak jika pelaksanaannya dianggap hampir pasti tidak akan dilakukan.

Yayasan menggunakan pertimbangannya dalam menilai sama ada pelaksanaan pilihan untuk memperbaharui atau menamatkan pajak adalah hampir pasti atau tidak. Ini bermaksud Yayasan mengambil kira semua faktor yang berkaitan yang mewujudkan insentif ekonomi untuk melaksanakan sama ada pembaharuan atau penamatan pajak. Selepas tarikh permulaan, Yayasan akan menilai semula tempoh pajak sekiranya terdapat peristiwa penting atau perubahan keadaan yang berada dalam kawalannya dan mempengaruhi keupayaannya untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan pilihan untuk memperbaharui atau menamatkan pajak.

Sebagai Pemberi Pajak

Untuk kelaskan setiap pajak, Yayasan membuat penilaian menyeluruh sama ada pajak tersebut memindah semua risiko dan ganjaran berkaitan pemilikan aset sandaran. Jika ini yang berlaku, maka pajak ini adalah pajak kewangan, jika tidak, maka ianya adalah pajak operasi. Kos langsung awal yang ditanggung dalam membincangkan suatu pajak operasi dimasukkan pada amaun bawaan aset pajak dan diiktiraf sepanjang tempoh pajak pada asas yang sama dengan pendapatan sewaan.

2.9 Pengiktirafan Pendapatan Lain

Pendapatan lain diiktiraf apabila geran atau derma diterima dan resit dikeluarkan atau apabila perkhidmatan telah dilaksanakan.

2.10 Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun terdiri daripada cukai semasa. Cukai semasa adalah jumlah cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar berkenaan dengan keuntungan boleh dikenakan cukai bagi tahun tersebut dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan pada tarikh pelaporan.

2.11 Pendapatan Tertunda

Sumbangan atau tajaan pada mulanya diiktiraf sebagai pendapatan tertunda pada nilai saksama apabila terdapat jaminan yang munasabah bahawa ia akan diterima dan Yayasan akan mematuhi syarat yang berkaitan dengan pendapatan tersebut.

2.12 Pengurusan Nilai Saksama

Nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, kecuali bagi pembayaran berasaskan saham dan transaksi pajak, ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam suatu transaksi yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran ini mengandaikan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau, jika tiada pasaran utama, di pasaran yang paling menguntungkan.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset tersebut pada penggunaan tertinggi dan terbaiknya atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut pada penggunaan tertinggi dan terbaiknya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2025

2. MAKLUMAT DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

2.12 Pengurusan Nilai Saksama (Samb.)

Apabila mengukur nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, Yayasan menggunakan data pasaran yang boleh diperhatikan sebanyak mungkin. Nilai saksama dikategorikan ke dalam tahap yang berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

- Tahap 1: Harga sebut harga (tanpa pelarasan) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang sama yang boleh diakses oleh Yayasan pada tarikh pengukuran.
- Tahap 2: Input selain daripada harga sebut harga yang termasuk dalam Tahap 1 yang boleh diperhatikan untuk aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Tahap 3: Input yang tidak boleh diperhatikan untuk aset atau liabiliti.

Yayasan mengiktiraf pemindahan antara tahap dalam hierarki nilai saksama pada tarikh berlakunya peristiwa atau perubahan keadaan yang menyebabkan pemindahan tersebut.

2.13 Mata Wang Fungsian dan Penyampaian

Penyata kewangan Yayasan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Yayasan beroperasi (mata wang fungsian). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan mata wang fungsi Yayasan.

3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Penyediaan penyata kewangan selaras dengan MFRS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan tertentu dan pertimbangan profesional. Anggaran dan pertimbangan ini sentiasa dinilai semula dan berdasarkan pengalaman lepas, jangkaan yang munasabah mengenai peristiwa masa hadapan, serta faktor-faktor lain yang berkaitan.

3.1 Pertimbangan dalam Menerapkan Dasar Perakaunan

Andaian utama mengenai masa hadapan dan sumber utama ketidakpastian anggaran pada akhir tahun kewangan yang mempunyai risiko signifikan dalam menyebabkan pelarasan material terhadap jumlah bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya.

3.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran bagi nilai sisa, jangka hayat berguna, dan caj susut nilai yang berkaitan untuk hartanah, loji dan peralatan adalah berdasarkan faktor komersial serta boleh berubah secara signifikan akibat inovasi teknologi dan tindakan pesaing sebagai tindak balas terhadap keadaan pasaran.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2025

4. ASET HAK-GUNA

	2025 RM	2024 RM
Kos		
Pada 1 Januari	542,164	331,829
Tambahan	-	210,335
Pada 31 Disember	542,164	542,164
Pelunasan terkumpul		
Pada 1 Januari	378,570	294,959
Pelunasan tahun semasa	70,112	83,611
Pada 31 Disember	448,682	378,570
Amaun dibawa bersih		
Pada 31 Disember	93,482	163,594

Aset hak-guna adalah diukur pada nilai semasa bayaran pajakan yang akan dibuat sepanjang tempoh pajakan pada kadar terdiskaun 6.73% (2024: 6.73%). Aset hak-guna dilunaskan pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan selama 36 bulan.

Perbelanjaan yang berkaitan dengan aset hak-guna berikut diiktiraf pada penyata untung atau rugi:

	2025 RM	2024 RM
Susutnilai aset hak-guna	70,112	83,611
Faedah ke atas liabiliti pajakan	13,802	13,566

5. LAIN-LAIN PENGHUTANG DAN AKAUN BELUM TERIMA

	2025 RM	2024 RM
Lain-lain penghutang	205,692	904,356
Faedah terakru	28,269	29,432
Deposit	22,365	22,365
	256,326	956,153

6. TUNAI DAN BAKI BANK

	2025 RM	2024 RM
Simpanan tetap	3,294,490	3,170,020
Tunai dan baki bank	1,851,226	1,599,390
	5,145,716	4,769,410
Tolak: Simpanan tetap matang lebih 3 bulan	(3,294,490)	(3,170,020)
	1,851,226	1,599,390

Keuntungan dari pelaburan adalah hasil pembahagian keuntungan pada kadar 3.55% - 3.90% (2024: 3.85% - 3.95%)
Keuntungan dari pelaburan adalah hasil pembahagian keuntungan pada kadar.

Tempoh matang bagi simpanan tetap adalah antara 181 hingga 365 hari (2024: 180 hingga 365 hari).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2025

7. LIABILITI PAJAKAN

	2025 RM	2024 RM
Pada 1 Januari	169,319	38,571
Tambahan	-	210,335
	169,319	248,906
Faedah ke atas liabiliti pajakan	13,802	13,566
Tolak: Bayaran pajakan dibuat pada tahun semasa	(81,460)	(93,153)
Pada 31 Disember	101,661	169,319
Perlu di bayar dalam tempoh 12 bulan (bawah liabiliti semasa)	75,019	75,019
Perlu di bayar selepas tempoh 12 bulan (bawah liabiliti bukan semasa)	26,642	94,300
	101,661	169,319

Tempoh matang baki liabiliti pajakan pada 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

	2025 RM	2024 RM
Kurang daripada 1 tahun	75,019	67,658
Selepas 1 tahun tapi tidak melebihi 5 tahun	26,642	101,661
	101,661	169,319

Liabiliti pajakan adalah diukur pada nilai semasa bayaran pajakan yang akan dibuat sepanjang tempoh pajakan pada kadar terdiskaun 6.73% (2024: 6.37%). Selepas tarikh permulaan, amaun liabiliti pajakan akan meningkat disebabkan pertambahan faedah dan berkurang apabila bayaran pajakan dibuat. Butiran tambahan berkaitan dengan pajakan telah didedahkan pada Nota 4.

Komitmen pajakan operasi tidak terdiskaun adalah seperti berikut:

	2025 RM	2024 RM
Amaun perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	81,460	81,460
Amaun perlu dibayar selepas 1 tahun tetapi tidak lebih 5 tahun	27,153	108,613
	108,613	190,073

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2025

8. LAIN - LAIN PEMIUTANG DAN AKAUN BELUM BAYAR

	2025 RM	2024 RM
Lain-lain pemiutang	-	364,439
Belanja terakru	259,871	397,572
	259,871	762,011

9. PENDAPATAN

	2025 RM	2024 RM
Sumbangan syarikat dan korporat	7,734,264	5,913,197
Sumbangan awam dan individu	34,525	2,032
Sumbangan diterima untuk Pendidikan Prihatin	71,005	632
Sumbangan diterima untuk <i>Autism Awareness Day</i>	-	20,100
Sumbangan diterima untuk Projek Rumah Hijau	-	272,950
Sumbangan diterima untuk Program Tuisyen	700	600
Sumbangan diterima untuk <i>Rahmah Box</i>	270	2,406
Sumbangan diterima untuk <i>Green Legacy Summit</i>	60,000	85,000
Sumbangan diterima dari <i>Asia Pacific Climate Week 2023 program</i>	-	215,440
Sumbangan Infaq Surau	39,056	-
Sumbangan diterima untuk Rezqi Ramadhan	620	-
Sumbangan diterima untuk Infaq Permaidani Surau	2,366	-
	7,942,806	6,512,357

10. KOS KEWANGAN

	2025 RM	2024 RM
Faedah ke atas liabiliti pajakan	13,802	13,566

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2025

11. LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI

Lebihan pendapatan sebelum cukai adalah selepas ditolak/(dicampur):

	2025 RM	2024 RM
Yuran audit	6,500	6,500
Yuran percukaian	1,200	1,000
Pelunasan aset hak-guna	70,112	83,611
Faedah daripada simpanan tetap	(123,307)	(94,714)
Hibah	(2,050)	(2,133)

12. CUKAI

Untuk tujuan percukaian, kelulusan telah diberi kepada Yayasan Johor Corporation mengikut Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967, di mana segala derma wang tunai kepada Yayasan tersebut layak diberi pelepasan cukai kepada penderma-pendermanya. Menurut surat daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri bertarikh 5 Disember 2025, tempoh kelulusan untuk Yayasan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 ini adalah 10 tahun sehingga 31 Disember 2035.

13. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN UNTUK DIKELUARKAN

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 telah diluluskan untuk dikeluarkan selaras dengan resolusi Pemegang Amanah pada 7 April 2026.



YAYASAN JOHOR CORPORATION

Level 18, Menara KOMTAR
80888 Ibrahim International Business District
Johor Darul Ta'zim
Email: yayasanjcorp@jcorp.com.my

-  [yayasanjohorcorporation](#)
-  [Yayasan Johor Corporation](#)
-  [yayasanjcorp](#)
-  www.yayasanjcorp.com.my
-  [yayasanjcorp](#)